

## **REAKSI TERHADAP PEMIKIRAN ANTI HADIS BERDASARKAN KARYA HADIS: JAWAPAN KEPADA PENGKRITIK**

**REACTION TO THE THOUGHT OF ANTI-HADITHS  
BASED ON THE WORK *HADIS: JAWAPAN KEPADA  
PENGKRITIK***

***Muhammad Azizan Sabjan\**, *Noor Shakirah Mat Akhir\*\****

**\*\***Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian. Universiti Sains  
Malaysia. 11800. Pulau Pinang Malaysia.

Emel: **\*\*shakirah@usm.edu.my**

### **Khulasah**

Hadis merupakan sumber rujukan utama kedua selepas al-Qur'an. Hadis dan kesahihannya sudah lama menjadi perbahasan sarjana Islam pelbagai peringkat sejak dari dahulu lagi. Sewaktu Nabi SAW masih hidup sehingga zaman Khulafa' al-Rashidin, ketulenan dan kesahihan hadis yang diriwayatkan tidak pernah dipertikai. Ketulenan dan kesahihan hadis mula dipertikai apabila empayar Islam semakin berkembang dan semakin ramai orang bukan Arab yang memeluk Islam. Pada ketika itu wujud pihak tertentu yang sengaja memalsukan hadis demi meraih keuntungan segera. Demi memastikan ketulenan hadis terus terjamin, sarjana Islam telah menghasilkan ilmu *mustalah al-hadīth* yang ternyata kemas dan ampuh dalam memelihara dan memulihara ketulenan hadis. Tegasnya, masalah keraguan terhadap hadis sudah pun selesai. Namun kini wujud pula golongan yang cuba menimbulkan semula keraguan terhadap hadis. Mereka wujud di serata dunia seperti di kota-kota besar seperti Mekah, Kaherah dan tidak ketinggalan juga di Malaysia khususnya di Georgetown, Pulau Pinang. Ironinya, mereka bukanlah pihak orientalis tetapi mereka adalah golongan yang mendakwa diri mereka beragama Islam. Sayugia diulangi di Malaysia,

khususnya di Georgetown, Pulau Pinang, terdapat kumpulan yang menolak hadis yang dipelopori oleh seorang yang bernama Kassim Ahmad. Fokus penulisan kali ini ialah untuk mengeluarkan hujah reaksi kepada penulisan beliau bertajuk *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*. Pada pandangan penulis, buku *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik* amat tidak sesuai untuk bacaan umum kerana ia boleh menjelaskan akidah sekaligus menimbulkan kekeliruan kronik dalam kalangan masyarakat marhain. Hasil buku ini jelas menunjukkan bahawa Kassim Ahmad sememangnya menolak hadis.

**Kata kunci:** Hadis, Anti-Hadis, Tulen, Ragu, Kassim Ahmad.

### Abstract

Hadith is the second source of reference after the Qur'an. Hadith and its authenticity have long been of central significance debate to multi-level Islamic scholars. During the time of the Prophet (pbuh) until the time of Caliphs Rashidin, the authenticity and validity of the Hadith narrated have never been disputed. Genuineness and authenticity of the Hadith began to dispute during the growth of the Islamic empire and more non-Arabs convert to Islam. During that time, there exist certain parties who deliberately falsified Hadith in order to gain immediate advantages. In order to preserve the purity and originality of Hadith, Islamic scholars have established the Science of Hadith, which was neat and effective in conserving and preserving the purity of Hadith. In a strict sense, doubtful on Hadith has already ended. However presently there are groups who are trying to raise doubts on hadith. They are all over the world such as in big cities like Mecca, Cairo and Malaysia, especially in Georgetown, Penang. Ironically, they are not the Orientalist but they are the ones who claim to be Muslims. It should be repeated that in Malaysia, especially in Georgetown, Penang, there are groups pioneered by a man named Kassim

Ahmad that reject Hadith. The focus of this article is to produce arguments in reaction to his writing entitled *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*. In the author's view, the *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik* is not suitable for general reading for it can devastate the faith and cause severe confusion among people. In all, this book palpably shows that Kassim Ahmad incontrovertibly rejects Hadith.

**Keywords:** Hadith, Anti-Hadith, Original, Doubt, Kassim Ahmad.

## Pendahuluan

Persoalan tentang ketulenan hadis dan peranannya telah lama menjadi perbincangan penting dalam pengajian Islam. Masyarakat Islam semenjak zaman baginda s.a.w dan golongan orientalis Barat telah lama memberi perhatian terhadap hadis<sup>1</sup> dan kesahihannya. Bagi umat Islam, sudah tentu tidak mempunyai keraguan terhadap hadis. Sesungguhnya hadis adalah sumber yang kedua selepas al-Qur'an.<sup>2</sup> Ia boleh dipercayai dan tepat. Hadis memperjelaskan isi kandungan al-Qur'an serta membuka jalan kepada kefahaman yang lebih baik terhadap Islam di kalangan penganutnya.

Walaubagaimanapun terdapat di antara umat Islam, golongan anti-hadis yang meragui kedudukan sebenar hadis dalam Islam. Mereka mempunyai dua tanggapan

<sup>1</sup> Untuk definisi hadis, perbandingannya dengan sunnah dan lain-lain, lihat contohnya dalam: Muhammad Abū Zahrah, *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn*, aw 'Ināyah al-Ummah al-Islāmiyyah bi Sunnah al-Muhammadiyyah (t.t.p: Dār al-Fikr al-‘Arabi, t.t.), 8-16. Selepas ini disebut sebagai *al-Muḥaddithūn*. Lihat juga: 'Abd al-Mun'im al-Namr, *Hadīth Ṣallallāh 'alayh wa sallam*, *Kayf Wasalat Ilaynā* (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī, 1987), 9-15.

<sup>2</sup> Untuk definisi al-Qur'an, sejarahnya, kelebihannya dan keistimewaannya serta lain-lain, lihat contohnya, Sayyid M.H. Tabataba'i, *The Quran in Islam, Its Impact and Influence on the Life of Muslims*, terj. Assadullah al-Dhakir Yate (Karachi: Zahra Publications, 1987), 17-23. Lihat juga Muhammad Abū Zahrah, *al-Qur'ān* (t.t.p: Dār al-Fikr al-‘Arabi, t.t.).

utama tentang hadis. Pertama, mereka mempercayai hadis, tetapi bukan sebagai satu daripada sumber perundangan syariah, malah hanya sebagai sejarah kerasulan semata-mata. Menurut mereka, Nabi s.a.w ialah manusia biasa. Semua katanya tidak lain hanyalah kisah sejarah biasa.

Oleh itu, untuk menggunakan hadis sebagai sumber perundangan yang boleh dipercayai dalam Islam adalah tidak tepat.<sup>3</sup> Alasan kedua mereka lebih mengelirukan. Mereka mengatakan bahawa hadis hanyalah cerita rekaan manusia dan palsu. Bagi mereka tiada *sunnah* (perlakuan Nabi s.a.w) yang dapat dipercayai dari sumber hadis. Tambahan, mereka mengatakan bahawa hadis itu berlawanan dengan al-Qur'an dan mereka hanya berpegang dengan al-Qur'an.<sup>4</sup>

Golongan anti-hadis juga mempersoalkan tentang periyawatan hadis dengan mengatakan bahawa ia adalah meragukan serta mempunyai pelbagai ciri yang tidak boleh dipercayai. Ringkasnya, berdasarkan kepada hujah-hujah ini, mereka tidak mempercayai kesahihan hadis dan mereka menolak untuk menerima hadis sebagai sumber kedua Islam. Pengkaji berpendapat, penolakan mereka berpandukan hujah yang lemah sebegini, memperlihatkan bagaimana kekeliruan mereka dalam memahami hadis. Sesungguhnya mereka telah hanyut dan minda mereka telah dibayangi dengan pelbagai faktor yang tidak rasional serta bercanggahan.<sup>5</sup>

Oleh itu dalam penulisan artikel kali ini, pengkaji akan melontar reaksi kepada jawapan Kassim Ahmad dalam buku *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*.

---

<sup>3</sup> Kassim Ahmad, *Hadis: Satu Penilaian Semula* (Petaling Jaya: Media Intelek, 1986), 15.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Noor Shakirah Mat Akhir, “Menghapuskan Keraguan Terhadap Kewibawaan Hadith,” dalam *Warisan al-Hadith: Antara Teras dan Dinamika Pemikiran* (Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), 92.

### **Karya Hadis: Jawapan kepada Pengkritik**

*Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*<sup>6</sup> adalah setebal 199 halaman ditulis oleh Kassim Ahmad sebagai jawapan dan hujah balas kepada mereka yang menolak buku beliau *Hadis: Satu Penilaian Semula.*<sup>7</sup> Buku ini terbahagi kepada 11 bab, 3 lampiran, bibliografi dan penunjuk. Bab-bab yang dilontarkan adalah seperti berikut:

- Bab 1: Pengkritik-pengkritik Saya<sup>8</sup>
- Bab 2: Makna Ayat Taatilah Allah dan Taatilah Rasul<sup>9</sup>
- Bab 3: Siapa Menghuraikan Quran<sup>10</sup>
- Bab 4: Masalah Solat<sup>11</sup>
- Bab 5: Kedudukan Hadis yang Sebenar<sup>12</sup>
- Bab 6: Apa itu Kod 19<sup>13</sup>
- Bab 7: Masalah Tafsiran Quran<sup>14</sup>
- Bab 8: Kejatuhan Tamadun Islam<sup>15</sup>
- Bab 9: Dajjal dan Kedatangan Kedua Nabi Isa<sup>16</sup>
- Bab 10: Misi Sejagat Islam<sup>17</sup>
- Bab 11: Penyelesaian Masalah<sup>18</sup>

### **Reaksi kepada karya Hadis: Jawapan kepada Pengkritik**

Penulis berpendapat secara umumnya kesemua bab yang dibincangkan dalam buku ini adalah genting dan sensitif. Ia tidak sesuai untuk bacaan umum dan sewajarnya

---

<sup>6</sup> Kassim Ahmad. *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik* (Kuala Lumpur: Media Indah SDN. BHD., 1992), 1-199.

<sup>7</sup> Kassim Ahmad, *Hadis: Satu Penilaian Semula*, 130-131.

<sup>8</sup> Hal. 15.

<sup>9</sup> Hal. 25.

<sup>10</sup> Hal. 31.

<sup>11</sup> Hal. 38.

<sup>12</sup> Hal. 44.

<sup>13</sup> Hal. 50.

<sup>14</sup> Hal. 62.

<sup>15</sup> Hal. 76.

<sup>16</sup> Hal. 93.

<sup>17</sup> Hal. 118.

<sup>18</sup> Hal. 136.

diharamkan kembali kerana tidak semua pembaca mempunyai daya ketakaikan dalam membezakan pendapat atau hujah yang betul dan salah apalagi yang sesat dan menyimpang dari landasan sebenar. Dalam ruangan yang terhad dan terbatas ini, penulis akan tumpukan kepada beberapa bab yang dianggap genting.

### **Reaksi kepada Bab 2:Taatilah Allah dan Taatilah Rasul (hal 26-30) dan Bab 3: Siapa Menghuraikan Quran (31-37)**

Rumusan bab-bab ini secara jelas menunjukkan Kassim Ahmad tidak menerima Nabi SAW sebagai Nabi Allah dan Pesuruh Allah. Nabi SAW tidak lebih sebagai manusia biasa. Baginda SAW berautoriti terhad dalam menafsir al-Qur'an dan tidak semua tafsiran baginda wajar diikuti.

Kassim Ahmad menulis:

Masalahnya timbul bila kita telah mendewa-dewakan Nabi. Kita salah anggap bahawa beliau tahu semua. Kita salah anggap beliau tidak ada kelemahan seperti manusia yang lain. Jika beliau bukan seorang manusia biasa, seperti kita, tetapi seorang dewa, bolehkah beliau memimpin kita, dan bolehkah kita meneladani beliau? Tentu tidak boleh, kerana sifat manusia dan sifat dewa berbeza. Oleh yang demikian, mengapakah pencinta-pencinta Hadis melompat bila kita mengatakan Nabi Muhammad tidak mengetahui segala-galanya tentang tafsir? Ini menunjukkan bahawa mereka telah mendewa-dewakan Nabi Muhammad- satu kesalahan besar.<sup>19</sup>

Jelas sekali Kassim Ahmad jauh tersasar. Al-Qur'an yang keronnya dipegangnya dengan tegas mengiktiraf bahawa Nabi s.a.w bukan sahaja manusia biasa tetapi

---

<sup>19</sup> Kassim Ahmad, *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*, 36.

adalah Rasul Allah dengan contoh yang cemerlang (*uswah hasanah*). Penulis juga akan menunjukkan kepada Kassim Ahmad bahawa kata-kata Nabi s.a.w bukan hanya sekadar kisah sejarah kerasulan, tetapi adalah sumber yang sahih dalam menjelaskan dan melaksanakan isi kandungan al-Qur'an.<sup>20</sup>

Antara ayat-ayat al-Qur'an yang menjelaskan bahawa Nabi s.a.w adalah sebagai insan yang berhak dan berwibawa dalam menerangkan al-Qur'an ialah yang bermaksud:

(Mereka tidak mahu mengakui yang diturunkan kepadamu itu), tetapi Allah mengakui al-Qur'an yang diturunkannya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmuNya; dan malaikat-malaikatNya pun menjadi saksi (pula). Cukuplah Allah yang mengakuinya.<sup>21</sup>

Berkatalah orang-orang kafir: "Kamu bukan seorang yang dijadikan Rasul". Katakanlah: "Cukuplah Allah menjadi saksi antaraku dan kamu dan antara orang yang mempunyai ilmu al-Kitab."<sup>22</sup>

Daripada ayat-ayat al-Qur'an di atas, sudah jelas bahawa Allah s.w.t sendiri telah mengakui tentang kebenaran Nabi s.a.w. Ayat-ayat al-Qur'an ini mengesahkan bahawa Nabi s.a.w bukanlah hanya sekadar manusia biasa, tetapi ialah seorang pesuruh Allah yang penuh penghormatan dan dilindungi daripada sebarang

---

<sup>20</sup> Kebanyaknya hujah balas, melainkan yang dicatat, dipetik terus daripada Noor Shakirah Mat Akhir, "Menghapuskan Keraguan Terhadap Kewibawaan Hadith," 92.

<sup>21</sup> Surah al-Nisa' 4:166.

<sup>22</sup> Surah al-Ra`d 13:43.

kesalahan (*iṣmah*).<sup>23</sup> Tegasnya, Allah telah mengiktiraf bahawa Nabi s.a.w adalah seorang pesuruh Allah yang berhikmah. Justeru tiada siapa yang berhak mencabar pengiktirafan ini.<sup>24</sup>

Allah s.w.t. kemudiannya telah menggesa umat Islam supaya menuruti Nabi s.a.w. dengan mengesahkan bahawa Nabi s.a.w ialah contoh teladan yang unggul (*uswah hasanah*)<sup>25</sup> kepada manusia. Beberapa ayat al-Qur'an telah diwahyukan berkaitan perkara ini.<sup>26</sup> Memang tidak dapat dinafikan lagi al-Qur'an menggesa kita untuk mencontohi Nabi s.a.w sepenuhnya<sup>27</sup> kerana Allah Maha Mengetahui bahawa Rasul-Nya ialah gambaran kepada keseluruhan al-Qur'an (*a living Qur'an*). Melalui Nabi s.a.w dan hadis-hadisnya, segala suruhan Allah serta ilmu al-Qur'an itu diimplementasikan atau diaplikasikan dalam kehidupan manusia. Maksud firman Allah:

Dan tiadalah yang diucapkan itu (al-Qur'an) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya).<sup>28</sup>

Sungguh Allah telah memberi kurnia kepada orang-orang yang beriman ketika Allah mengutus di antara mereka seorang rasul dari golongan mereka sendiri, yang membacakan

---

<sup>23</sup> Abū al-Fidā' Ismā'īl Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 4 vols. (Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1994), untuk surah al-Najm: 3-4.

<sup>24</sup> Noor Shakirah Mat Akhir, “Menghapuskan Keraguan Terhadap Kewibawaan Hadith,” 92-94.

<sup>25</sup> Surah al-Ahzab 33:21.

<sup>26</sup> Lihat contohnya, surah Ali 'Imran 3:31, al-Nisa' 4:65 dan 80, al-Ahzab 33:36.

<sup>27</sup> Berkaitan sunnah sebagai aplikasi kehidupan muslim, lihat contohnya: 'Abdul Mun'im, *Al-Hadith*, 19-22. Lihat juga P. K. Koya ed, *Hadith and Sunnah, Ideals and Realities* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 1996), 253-278.

<sup>28</sup> Surah al-Najm 53:3-5.

kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan (jiwa) mereka, dan mengajarkan kepada mereka al-Kitab dan al-Hikmah. Dan sesungguhnya sebelum (kedatangan nabi) itu, mereka adalah benar-benar dalam kesesatan yang nyata.<sup>29</sup>

Dan Kami tidak mengutus seseorang rasul, melainkan untuk ditaati dengan seizin Allah. Sesungguhnya jika mereka ketika menganiaya dirinya datang kepadamu, lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasul pun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapatkan Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya.<sup>30</sup>

Maksud ayat-ayat di atas menguatkan lagi hujah-hujah penulis ke atas golongan anti-hadis. Tidak diragui lagi yang Nabi s.a.w tidak menyampaikan al-Qur'an menurut kata hatinya sendiri, malah al-Qur'an ialah inspirasi yang diwahyukan dari Allah s.w.t. Malah kesemua kata dan perbuatannya, keputusannya dan pengajarannya (seperti yang diriwayatkan dalam hadis) adalah juga dikira sebagai inspirasi dan petunjuk dari Allah.<sup>31</sup>

Sesungguhnya, fungsi hadis yang paling penting bukan hanya untuk menyampaikan ayat-ayat al-Qur'an,

---

<sup>29</sup> Surah Ali Imran 3:164.

<sup>30</sup> Surah al-Nisa 4:64-65.

<sup>31</sup> Lihat Ibn Kathīr, *Tafsir Ibn Kathir*, untuk surah al-Najm: 3-4.

tetapi juga untuk menunjukkan bagaimana al-Qur'an sepatutnya diaplikasikan dalam kehidupan harian. Hatta bentuk-bentuk asas kepada ibadah seperti cara-cara untuk mengerjakan solat lima waktu, pembahagian zakat, tatacara berpuasa, bagaimana untuk menjalankan undang-undang Islam dan lain-lain lagi tidak akan diketahui oleh kita tanpa merujuk kepada hadis.<sup>32</sup> Oleh itu, “only a dishonest or insane person will deny the importance of Hadis in its continuing role to guarantee the social, political and cultural integrity of the Ummah.”<sup>33</sup>

Golongan anti-hadis mendakwa mereka mempercayai Allah dan al-Qur'an. Bagi mereka al-Qur'an ialah satu-satunya sumber ilmu dalam Islam dan mereka dikehendaki untuk hanya menurut ajaran al-Qur'an.<sup>34</sup> Sekarang, terbukti bahawa Allah telah mengarahkan manusia untuk mentaati Nabi s.a.w dalam semua perkataan dan perbuatannya. Jika mereka memilih untuk menolak hadis sebagai sumber hukum (hujjah dalam agama), ini bermakna mereka memilih untuk tidak mempercayai al-Qur'an. Tegasnya, jika mereka masih dengan pegangan ini maka kedudukan akidah mereka samada Islam atau kafir sudah tidak dapat dipastikan. Sekiranya mereka masih tidak mahu menurut Nabi SAW dan menolak hadis maka sudah tentu mereka tiada contoh ikutan dan hala tuju interpretasi al-Qur'an akan menyimpang.

### **Reaksi kepada Bab 4 Masalah Solat (38-43)**

Solat merupakan perintah Allah swt yang agung. Segala perintah lain seperti puasa, zakat dan haji Allah turunkan melalui Jibril as. Dalam menurunkan perintah solat, Allah

---

<sup>32</sup> P.K. Koya (ed), *Hadith and Sunnah*, xii-xiv. Lihat juga Abū Zahrah, *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn*, 40-45, untuk keterangan lanjut tentang peranan hadis dalam penetapan undang-undang yang tidak disebut dalam al-Qur'an.

<sup>33</sup> Dipetik daripada Fazlur Rahman. Keterangan lanjut lihat, P.K. Koya (ed), *Hadith and Sunnah*, xi, 129-185 dan 220-232.

<sup>34</sup> Lihat Kassim Ahmad, *Hadis: Satu Penilaian Semula*, 130-131.

sendiri telah menjemput Rasulullah SAW melalui peristiwa *isra' mikraj*. Demikian menunjukkan betapa pentingnya solat berbanding dengan hukum-hukum yang lain.<sup>35</sup>

Mungkin tidak bagi Kassim Ahmad. Solat adalah sesuatu yang rutin. Solat seumpama makan atau mandi dalam budaya tertentu. Kaedah solat adalah sesuatu yang tidak harus diperbesarkan.<sup>36</sup> Tegasnya, orang Islam belajar solat bukan dari hadis tetapi daripada nenek moyang mereka yang terdahulu sebagaimana kenyataannya sendiri iaitu:

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa seseorang Islam belajar melakukan solat bukan daripada Hadis tetapi daripada ibu-bapa atau guru yang mewarisi sembahyang ini turun-temurun dari zaman Nabi Ibrahim yang menerima daripada Tuhan. Seperti kebiasaan cara makan atau mandi dalam sesuatu kebudayaan, demikianlah sembahyang diperturunkan dari generasi ke generasi. Dalam hal sembahyang amalan ini dipelihara dengan berpandukan ajaran-ajaran al-Qur'an.<sup>37</sup>

Kepentingan solat dan keagungannya tidak dapat dipertikai lagi. Kupasan demi kupasan hal solat sudah lama dan hadam diperbahaskan para sarjana dan ulama Islam.<sup>38</sup> Justeru, apabila Kassim Ahmad mengatakan hal solat adalah hal turun-temurun, ini adalah sesuatu yang tidak dapat diterima oleh seorang Muslim yang waras iman dan akalnya. Al-Qur'an menyuruh umat Islam

---

<sup>35</sup> Safiyy al-Rahmān al-Mubārkfūri, *Al-Raḥīq al-Makhtūm* (Riyadh: Dār al-Salām, 2002), 178.

<sup>36</sup> Kassim Ahmad, *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*, 38-41.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 41

<sup>38</sup> Lihat sebagai contoh kupasan solat secara jitu dalam Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-‘Umm*, 8 vols (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.). Vol. 1.

mengerjakan solat. Kaedah solat diperjelaskan pula oleh Rasulullah SAW. Sebenarnya telah timbul banyak kemesyikilan apabila Kassim Ahmad menegaskan solat adalah kaerah turun-temurun. Di antaranya ialah satu persoalan genting iaitu apakah bentuk kaerah solat yang digunakan oleh Kassim Ahmad apabila mengerjakan solat.

### **Reaksi kepada Bab 5 Kedudukan Hadis yang sebenar (44-49)**

Al-Qur'an dan Hadis adalah dua sumber rujukan utama yang tidak dapat dipisahkan. Seseorang yang beriman dengan Allah akan beriman dengan Rasulullah SAW. Begitu juga, seseorang yang beriman dengan al-Qur'an akan beriman dengan Hadis. Al-Qur'an dan Hadis setiap satu saling kait-mengait dan tidak dapat dipisahkan.<sup>39</sup> Tetapi tidak bagi Kassim Ahmad, beliau mengambil sikap untuk menyatakan:

Seseorang yang beriman kepada Quran dan beriman kepada Nabi Muhammad tanpa perantaraan hadis. Inilah yang telah saya nyata dalam buku saya. Malah saranan saya ialah supaya kita kembali kepada Quran sebagai satu-satunya ajaran yang dibawa oleh Muhammad...<sup>40</sup>

Kassim Ahmad juga jelas terkeliru sehingga penggunaan istilah maksum pun disalahtafsirnya. Maksum dalam erti kata yang sebenar ialah nabi terpelihara dari sebarang dosa luaran dalaman, fizikal mental, rohani jasmani, zahir batin. Allah swt sendiri yang memelihara para nabi-Nya dari sebarang kesilapan dan kesalahan.<sup>41</sup>

---

<sup>39</sup> Muhammad Abū Zahrah, *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn*, 8-16.

<sup>40</sup> Kassim Ahmad, *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*, 49.

<sup>41</sup> Ahmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ Fatāwā*, ed. ‘Abd al-Rahman Ibn Muhammad al-‘Āsimī, 37 vols. (Riyadh: Dār Ḥalīm al-Kutub, 1991), 33: 28.

Maksum pada pandangan beliau pula ialah maksum dari sudut semua perkataan dan perbuatan nabi dipelihara oleh Allah tetapi tidak dari hakikat kemanusiaan. Dalam erti kata lain, nabi dan rasul terdedah kepada kesilapan dan kesalahan.<sup>42</sup> Beliau menambah:

Jika para nabi itu maksum, mereka bukan lagi manusia. Jika mereka bukan manusia,  
bolehkah menjadi teladan kepada manusia?...<sup>43</sup>

Kassim Ahmad juga kerap berpendapat bahawa kebanyakan hadis bercanggah dengan al-Qur'an.<sup>44</sup> Pernyataan ini dibuktikan salah. Hakikatnya tidak wujud percanggahan antara al-Qur'an dan hadis. Malah, hadis yang sah seiringan dan berkaitan dengan al-Qur'an dalam empat cara:

- a) Sebagai metod persetujuan (*muwāfaqah*) ke atas ayat-ayat al-Qur'an.
- b) Sebagai bentuk penjelasan (*bayān*) ke atas ayat-ayat al-Qur'an yang diwahyukan.
- c) Sebagai pembentukan undang-undang baru yang tidak dijumpai dalam al-Qur'an.
- d) Sebagai metod pembatalan (*naskh*) ke atas undang-undang yang terkandung dalam ayat-ayat al-Qur'an (proses ini dilakukan melalui ijma' ulama)<sup>45</sup>.

Ringkasnya, semua fakta ini sepatutnya menghapuskan keraguan ke atas kehujahan hadis. Hadis sesungguhnya bukanlah hanya sejarah kenabian, tetapi ianya sumber ilmu Islam yang diakui. Fakta-fakta ini juga membuktikan bahawa golongan anti-hadis sebenarnya keliru dan kekeliruan ini telah mengakibatkan mereka melakukan pembohongan yang lebih nyata terhadap

---

<sup>42</sup> Kassim Ahmad, *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*, 48

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> Lihat Kassim Ahmad, *Hadis: Satu Penilaian Semula*, 11.

<sup>45</sup> Untuk penggunaan hadith dalam kategori ini, lihat Muḥammad Abū Zahrah, *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn*, 38-39 dan 40-45.

Islam. Bagi sesiapa yang mengatakan bahawa hadis hanyalah perkara palsu dan rekaan manusia<sup>46</sup> dan bercanggah pula dengan al-Qur'an, mereka dalam premis kekeliruan yang nyata. Akidah mereka dalam bahaya yang membolehkan mereka jatuh ke lembah murtad.<sup>47</sup>

### Kesimpulan

Kedudukan hadis sebagai sumber rujukan kedua selepas al-Qur'an memang tidak dapat dipertikai lagi. Kedudukan Rasulullah SAW sebagai pengesah kepada ajaran al-Qur'an tidak boleh dipertikai. Melalui baginda s.a.w kesemua asas dan piawai pemikiran serta perlakuan, kerohanian dan akhlak, kehidupan peribadi dan sosial dalam Islam diaplikasikan keatas umat manusia. Sesungguhnya perbuatan dan kata-kata baginda SAW termasuklah apa-apa yang dikenali sebagai sunnah, keduaduanya sebenarnya adalah sumber kepada tatacara seorang muslim dan juga sebenarnya adalah berdasarkan perintah Allah serta bertepatan dengan fitrah kemanusiaan.

Apa yang diutarakan oleh Kassim Ahmad dalam bukunya yang menjadi subjek perbincangan ini tidak lebih dari kekeliruan dan kecelaruan fikiran beliau sendiri. Islam adalah agama wahyu. Tidak semua ajaran Islam dapat difahami dengan akal fikiran. Contoh yang dapat dibawa di sini ialah peristiwa Nabi Ibrahim AS dilontar dalam api tetapi tidak terbakar. Bolehkah Kassim Ahmad menjelaskan hal ini tanpa bantuan dan tafsiran Nabi SAW? Kassim Ahmad mungkin akan mendakwa beliau hanya menolak hadis yang bercanggah dengan al-Qur'an.

---

<sup>46</sup> Untuk keterangan lanjut berkaitan sumber-sumber palsu, lihat contohnya, Suhaib Hassan 'Abdul Ghaffar, *Criticism of Hadith among Muslims with reference to Sunan Ibn Maja* (London: Ta-Ha Publication and Al-Qur'an Society, 1986), 31-43. Lihat juga Ignaz Goldziher, *Muslim Studies*, ed. S. M. Stern (London: C. Tinling and Co LTD, 1971), 126-144.

<sup>47</sup> Surah al-Nisa' 4:150-151.

Al-Qur'an ada menyebut masuklah Islam seluruhnya. Seluruh di sini bermaksud beriman dengan ajaran al-Qur'an dan Hadis kesemuanya. Jadi, apakah pendirian Kassim Ahmad dalam hal ini?

Pada pandangan penulis, buku *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik* amat tidak sesuai untuk bacaan umum kerana ia boleh menjelaskan akidah sekaligus menimbulkan kekeliruan kronik dalam kalangan masyarakat marhain. Tidak keterlaluan jika dikatakan hasil buku ini jelas menunjukkan bahawa Kassim Ahmad bukan setakat menolak hadis bahkan menolak Nabi SAW.

### Rujukan

- 'Abdul Ghaffar, Suhaib Hassan. *Criticism of Hadis among Muslims with Reference to Sunan Ibn Maja*. London: Ta Ha Publishers LTD and al-Qur'an Society, 1986.
- Abū Zahrah, Muḥammad. *Al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn, aw 'Ināyah al-Ummah al-Islāmiyyah bi Sunnah al-Muhammadiyyah*. t.t.p: Dār al-Fikr al-'Arabi.
- Abū Zahrah, Muḥammad. *Al-Qur'ān*. t.p: Dār al-Fikr al-'Arabi, t.t.
- Al-Namr, 'Abd al-Mun'im. *Hadīth Ṣallallāh 'alayhi wa sallam*", *Kayf Waṣalat Ilaynā*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣri, 1987.
- Goldziher, Ignaz. *Muslim Studies*, ed. S.M. Stern. London: C. Tinling and Co. LTD. 1971.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad Ibn 'Abd al-Ḥalīm. *Majmū' Fatāwa*, ed. 'Abd al-Rahmān Ibn Muḥammad al-Āsimī, 37 vols. Riyadh: Dār 'Ālim al-Kutub, 1991
- Kassim Ahmad. *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Petaling Jaya: Media Intelek, 1986.
- Kassim Ahmad. *Hadis: Jawapan kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur: Media Indah SDN. BHD. 1992.
- Koya, P. K. ed. *Hadis and Sunnah, Ideals and Realities*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 1996.
- Noor Shakirah Mat Akhir. "Menghapuskan Keraguan Terhadap Kewibawaan Hadis." Dalam *Warisan al-*

Muhammad Azizan & Noor Shakirah, “Reaksi terhadap Pemikiran Anti Hadis,”  
*Afkār* Vol. 18 Special Issue (2016): 73-88

- Hadis: Antara Teras dan Dinamika Pemikiran.* Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008.
- Siddiqi, Muhammad Zubayr. “Hadis Literature”, Its Origin, Development & Special Features. Cambridge: The Islamic Texts Society, 1993.
- Tabataba’i, M. H. *The Qur'an in Islam, Its Impact and Influence on the Life of the Muslims.* Karachi: Zahra Publications, 1987.
- Yusuf ‘Ali, ‘Abdullah. *The Meaning of the Holy Qur'an: New Edition with Revised Translation, Commentary and Newly Compiled Comprehensive Index.* Beltsville: Amana Publications, 1996.